PENGGUNAAN PETA KONSEP BAGI MENINGKATKAN PRESTASI MATA PELAJARAN SEJARAH TINGKATAN DUA

oleh
Pn. Michele Ting Mei Ling
Pn. Noor Hafizah Mohd. Rodi
Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Perak
Jalan Kampar , 30250
Ipoh , Perak.

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan menentukan keberkesanan kaedah pengajaran berdasarkan penggunaan "peta konsep" dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah Tingkatan Dua. Kaedah pengajaran yang digunakan ini dipercayai akan membantu pelajar memahami sesuatu tajuk secara terperinci. Perancangan untuk tindakan dibuat dengan merancang peta konsep yang sesuai bagi bab dua Sejarah Tingkatan Dua dan disertakan dengan penyediaan nota ringkas mengandungi fakta-fakta Sejarah bab dua. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran melibatkan '*pengelasan konsep*' oleh guru untuk memberi gambaran menyeluruh, perbincangan bersama kelas, melengkapkan fakta dan maklumat dalam peta konsep, pembacaan buku teks untuk mencari maklumat dan fakta terperinci yang penting. Kemahiran mencatat dan menyusun nota oleh pelajar dan latih tubi latihan objektif dan subjektif bab dua juga dijalankan. Penilaian dibuat melalui ujian diagnostik (ujian pos) yang akan menunjukkan kesan penggunaan kaedah ini dalam pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun, keputusan kajian ini menunjukkan bahawa kaedah peta konsep ini tidak memberikan kesan yang diharapkan bagi kumpulan pelajar Kelas 2J ini kerana tidak ada peningkatan prestasi yang diharapkan-harapkan dalam keputusan ujian pos selepas penggunaan kaedah tersebut.

1.0 REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN LALU

Dalam kajian ini, masalah yang dikenal pasti adalah pelajar yang tidak lulus mata pelajaran Sejarah pada peringkat sekolah, mahupun peperiksaan am seperti PMR dan SPM. Mengikut tinjauan guru-guru, ada kemungkinan bahawa ramai pelajar yang tidak lulus mata pelajaran ini disebabkan mereka kurang meminati pelajaran Sejarah yang pada tanggapan mereka merupakan mata pelajaran yang amat membosankan dan sukar mengingati fakta-fakta, tajuk-tajuk dan nama yang memerlukan penghafalan.

Pelajar juga menghadapi masalah mendapat konsep keseluruhan mengenai urutan peristiwa bersejarah dalam satu-satu bab. Pelajar tidak dapat melihat peristiwa-peristiwa secara keseluruhan atau urutan yang berterusan. Justeru itu, ini tidak membantu pelajar membentuk konsep kandungan keseluruhan sesuatu bab ataupun membantu mereka mengaitkan satu topik dengan topik yang lain dalam sesuatu bab.

Cara pengajaran guru secara kuliah yang menggunakan pendekatan sehala tidak menarik hati pelajar-pelajar dalam mendekati mata pelajaran ini. Cara pengajaran guru begini juga menyebabkan pelajar-pelajar kurang meminati mata pelajaran ini. Guru merasakan perlu mereka suatu kaedah pengajaran-pembelajaran yang berlainan dan dapat meningkatkan minat, pemahaman dan ingatan mereka terhadap mata pelajaran Sejarah.

Oleh sebab itu, kajian yang dijalankan adalah menumpukan kepada penggunaan peta konsep untuk menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran menarik minat pelajar-pelajar dalam pembelajaran di kelas dan yang lebih penting ialah pelajar dapat menguasai konsep keseluruhan bab dalam contoh peta konsep. Peta konsep juga boleh membantu pelajar mendapat gambaran yang lebih jelas

urutan peristiwa dalam satu kontinuma dan ini seterusnya dapat meningkatkan ingatan pelajar terhadap pelajaran yang diajar oleh guru. Selan itu, penggunaan peta konsep boleh mempelbagaikan kaedah pengajaran guru dan menjadikan guru lebih berkaliber dalam menyampaikan pengajaran Sejarah dengan lebih efektif lagi.

2.0 FOKUS KAJIAN

Fokus kajian tindakan ini ialah penggunaan peta konsep dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah dengan tumpuan khusus kepada bab dua Sejarah Tingkatan Dua. Penggunaan peta konsep adalah pendekatan yang difikirkan oleh guru untuk mengatasi masalah pelajar yang kurang meminati pembelajaran sejarah dalam kelas dan kesusahan untuk mengingati fakta dan urutan peristiwa Sejarah dalam sesuatu bab yang telah dipelajari. Masalah ini berlaku kerana pelajar sukar mendapat gambaran yang jelas tentang urutan peristiwa sejarah secara keseluruhan dan hanya membuat ulang kaji pada waktu hampir peperiksaan, serta tidak mempelajari Sejarah secara berterusan. Sekiranya masalah ini tidak diatasi, pelajar akan mempunyai masalah untuk mengingati fakta dan urutan peristiwa Sejarah dalam sesuatu bab dan akan memberi kesan kepada keputusan peperiksaan.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Am : Tujuan kajian ini adalah untuk menigkatkan daya ingatan pelajar menggunakan peta konsep dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

3.2 Objektif Khusus

3.2.1 Pelajar dapat melengkapkan maklumat dan fakta Sejarah dalam peta konsep.

3.2.2 Pelajar dapat mengenal pasti dan mengaitkan urutan peristiwa Sejarah dengan lebih terperinci.

3.2.3 Pelajar dapat menjawab soalan objektif dan subjektif bab dua dengan tepat.

3.2.4 50 peratus pelajar Kelas 2J mendapat markah 15 ke atas dalam ujian pos.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kumpulan sasaran bagi kajian tindakan ini terdiri daripada 39 pelajar Kelas 2J. Mengikut keputusan Peperiksaan Akhir Tahun Tingkatan Satu tahun 2004, peratus kelulusan bagi mata pelajaran Sejarah ialah 87%. Tiada pelajar yang mendapat keputusan A dan B yang markahnya di antara 65 hingga 100. Sebanyak 33% pelajar mendapat gred C (markah antara 50 hingga 64) dan 54% pelajar-pelajar mendapat gred D (markah di antara 40 hingga 49). Ringkasnya, kumpulan sasaran Kelas 2J ini terdiri daripada pelajar-pelajar yang sederhana dalam pencapaian akademik bagi mata pelajaran Sejarah.

5.0 PELAKSANAAN KAJIAN

5.1 Tinjauan Masalah

5.1.1 Berdasarkan pemerhatian guru, pelajar didapati kurang berminat terhadap mata pelajaran Sejarah semasa proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas.

5.1.2 Bagi mengetahui dengan lebih tepat pandangan dan masalah pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah, satu borang soal selidik telah diberi kepada pelajar Kelas 2J.

5.2 Analisis Tinjauan Masalah

Daripada soal selidik yang telah dijalankan didapati kebanyakan pelajar kurang berminat dengan mata pelajaran Sejarah, pengajaran Sejarah secara penerangan dan susah mengingati fakta-fakta dan peristiwa dalam mata pelajaran Sejarah. Daripada keputusan soal selidik, didapati 30 daripada 39 pelajar 2J menjawab "tidak" empat soalan daripada tujuh soalan soal selidik. (Sila rujuk lampiran A)

5.3 Tindakan yang Dijalankan

(i) Aktiviti-aktiviti yang dijalankan untuk kajian tindakan ini ialah :

1. Mendengar penerangan guru daripada kertas lutsinar "overhead projector" (OHP) yang mengandungi peta konsep.

2. Melengkapkan fakta atau maklumat dalam peta konsep sebagai sebahagian daripada latihan meningkatkan kemahiran menyusun nota secara sistematik dan berkesan.

3. Memberi gambaran menyeluruh melalui peta konsep dan memberi dorongan kepada pelajar untuk menggunakan peta konsep bagi membantu ingatan bersama bahan pelajaran lain seperti nota yang diberikan oleh guru berdasarkan buku teks.

4. Mengukuhkan pemahaman dan daya ingatan pelajar mengenai Bab 2 dengan memberi soalan objektif dan subjektif.

(ii) Bahan-bahan yang digunakan:

a) Aktiviti 1 : Kertas lutsinar OHP.
b) Aktiviti 2 : Lembaran kerja peta konsep (lampiran B dan C).
c) Aktiviti 3 : Kertas lutsinar OHP , lembaran nota peta konsep (lampiran D) dan buku teks.
d) Aktiviti 4 : Lembaran kerja latihan objektif dan subjektif, carta latihan objektif dan subjektif daripada buku teks dan buku rujukan yang sesuai.

5.4 Pelaksanaan Tindakan dan Pemerhatian atau Penilaian

5.4.1 Pelaksanaan Aktiviti 1

Guru memaparkan kertas lutsinar yang mengandungi peta konsep bab dua. Pelajar mendengar penerangan guru bardasarkan kertas lutsinar. Dalam aktiviti ini, guru memerhatikan bahawa pelajar-pelajar tertarik melihat peta konsep yang terpapar dalam kertas lutsinar. Guru merasakan Aktiviti 1 ini berkesan kerana soalan yang ditanya berkaitan dengan peta konsep yang dipaparkan dapat dijawab dengan betul oleh pelajar-pelajar.

5.4.2 Pelaksanaan Aktiviti 2

Guru memberi lembaran kerja peta konsep untuk dilengkapkan oleh pelajar bagi topik-topik tertentu bab dua. Pelajar membaca dengan kuat peta konsep yang telah lengkap dengan jawapan yang betul bersama dengan bahan pembacaan daripada buku teks. Pelajar-pelajar didedahkan dengan ulang kaji serta membuat catatan sendiri pada peta konsep tersebut. Contohnya, pelajar-pelajar mengesan perkara-perkara seperti tarikh, nama tokoh dan isu terperinci daripada buku teks untuk dicatatkan pada peta konsep bagi membantu diri mereka mempunyai nota lengkap bab dua. Selain itu, guru juga menyediakan nota ringkas bagi topik-topik tertentu bab dua dari semasa ke semasa. Guru memerhatikan bahawa pelajar-pelajar dapat melengkapkan peta konsep untuk dimasukkan dalam buku latihan masing-masing. Aktiviti 2 ini berkesan kerana pelajar-pelajar berjaya melangkapkan peta konsep dengan betul dalam buku latihan masing-masing. Walau bagaimanapun, terdapat 20% pelajar Kelas 2J yang bertanya guru jawapan yang perlu dilengkapkan dalam peta konsep. (Lihat lampiran B, C dan D

5.4.3 Pelaksanaan Aktiviti 3

Guru memberi peta konsep yang mengandungi topik-topik secara menyeluruh dalam bab dua kepada pelajar-pelajar (Lampiran E). Pelajar-pelajar membaca secara senyap dan memahami peta konsep yang diberikan. Guru mengadakan kuiz sejarah selama 10 minit sebelum proses pengajaran-pembelajaran berakhir untuk menanya soalan tentang isi-isi penting dan yang berkaitan antara satu topik dengan topik yang lain dalam peta konsep tersebut.

Pelajar-pelajar juga diminta membina peta minda dan carta aliran peristiwa bagi topik tertentu bab dua. Diperhatikan 80% pelajar dapat menjawab soalan kuiz sejarah dengan betul. Kuiz sejarah ini berkesan bagi membantu ingatan pelajar-pelajar terhadap gambaran keseluruhan bab dua.

5.4.4 Pelaksanaan Aktiviti 4

Guru memberikan latihan soalan objektif dan subjektif daripada buku teks dan buku rujukan. Latihan mengisi jawapan yang sesuai dalam peta konsep dan latihan membuat peta minda dan carta aliran peristiwa juga diberikan dari masa ke masa. Didapati semua latihan yang diberikan oleh guru boleh dijawab dengan betul oleh pelajar-pelajar. Guru memerhatikan terdapat 30% pelajar menggunakan peta konsep semasa pembelajaran dan ulang kaji pelajaran mereka. Walau bagaimanapun, terdapat masalah bagi pelajar-pelajar yang tidak bersungguh-sungguh membuat latihan terutamanya latihan subjektif. Mereka mengambil jalan pintas dengan meniru jawapan dari rakan-rakan lain tanpa banyak berfikir. Ini menggagalkan usaha murni kami untuk meningkatkan kemahiran pembelajaran yang diharap-harapkan.

5.5 Refleksi Kajian

(i) Penilaian Pencapaian Murid

Sebelum kajian ini dijalankan ke atas pelajar-pelajar 2J dengan menggunakan peta konsep bab 2, satu ujian ringkas pra dijalankan ke atas mereka (Lampiran F). Ujian Pra terdiri daripada 30 soalan objektif berkenaan bab satu. Kumpulan sasaran ini diberikan masa setengah jam untuk menjawabnya . Keputusan Ujian Pra dapat dirumuskan dalam Jadual 1 berikut :

Bilangan soalan yang betul	Bilangan pelajar
25 – 30	0
20 - 24	1
15 – 19	17
10 – 14	13
5 – 9	8
0 - 4	0

Jadual 1: Keputusan Ujian Pra

Berdasarkan jadual di atas, didapati bahawa peratus kelulusan ujian pra ini ialah 46.2% daripada pelajar 2J mendapat markah 15-24. Justeru, sebahagian besar pelajar Kelas 2J telah lulus secara sederhana dalam Ujian pra ini.

Selepas Ujian Pra ini dijalankan, kumpulan sasaran ini diajar bab dua dengan menggunakan peta konsep. Sepanjang masa pengajaran dan pembelajaran bab dua ini telah digunakan peta konsep bersama dengan lembaran kerja peta konsep dan buku teks. Selepas pengajaran bab dua ini, satu ujian pos telah diadakan untuk mengesan keberkesanan peta konsep dalam proses pengajaran dan pembelajaran pelajar-pelajar Kelas 2J ini. Pelajar diberi masa seminggu sebagai tempoh persediaan ujian pos ini. Keputusan ujian pos telah dirumuskan dalam Jadual 2 di bawah :

Bilangan soalan yang betul	Bilangan pelajar
25 – 30	0
20 – 24	0
15 – 19	6
10 – 14	27
5 – 9	6
0 – 4	0

Jadual 2 : Keputusan Ujian Pos

Dalam ujian pos ini, peratus kelulusan ialah 15.3%. (Jika di bandingkan dengan ujian pra). Jika dbandingkan dengan keputusan ujian pra, peratus kelulusan ujian pos adalah lebih rendah. Walau bagaimanapun, sebanyak 69% daripada kumpulan sasaran ini mendapat markah antara 10-14. Jadi 69% pelajar-pelajar berada dalam kelompok "gagal dengan baik".

(ii) Rumusan Pemerhatian Aktiviti-Aktiviti Yang Dijalankan.

Secara amnya, pengajaran-pembelajaran berasaskan peta konsep berjaya menarik perhatian pelajar dan mengekalkan ingatan jangka pendek. Ini dapat diperhatikan apabila pelajar dapat menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dan pelajar lebih menumpukan perhatian semasa proses pengajaran-pembelajaran berdasarkan peta konsep.

(iii) Refleksi Tentang Proses Pengajaran dan Pembelajaran Yang Telah Dijalankan Secara Keseluruhan.

Secara keseluruhannya, keberkesanan pengajaran berasaskan peta konsep tidak memberi kesan yang diharap-harapkan. Ini adalah kerana keputusan ujian pos tidak begitu menunjukkan kesan yang sangat baik. Ada kemungkinan besar sebilangan pelajar tidak menggunakan peta konsep untuk membantu diri mereka semasa membuat pembelajaran atau ulang kaji yang sistematik.

Pelajar juga tidak membuat persediaan yang cukup untuk membuat ujian pos walaupun guru telah mencuba penggunaan peta konsep dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah. Peta konsep ini juga dilihat hanya mengukuhkan ingatan jangka pendek kecuali pelajar membuat proses pembelajaran secara berterusan di rumah.

6.0 CADANGAN UNTUK KAJIAN SETERUSNYA

Penggunaan peta konsep adalah suatu kaedah dan cara bagi membantu pelajar dalam proses pembelajaran mereka. Walaupun kaedah ini berjaya membantu kefahaman pelajar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di kelas, masih mempunyai kelemahan dalam membantu pelajar meningkatkan daya ingatan jangka panjang dan semasa menjawab soalan ujian. Kelemahan ini mungkin boleh dibaiki dengan mengajar pelajar membina peta konsep sendiri bagi tajuk-tajuk tertentu dan sentiasa memberi galakan kepada mereka membaca untuk mengulangkaji latihan lembaran kerja peta konsep dan peta konsep yang diberi oleh guru.

Bagi meningkatkan daya ingatan pelajar tentang fakta dan peristiwa sejarah, guru mungkin boleh mengadakan satu kajian dengan menggunakan aktiviti 'ujian lima minit' sebelum pengajaran dan pembelajaran. ujian lima minit ini merangkumi topik yang telah dipelajari dan dilakukan sebelum pengajaran dan pembelajaran tajuk yang baru . Perbincangan jawapan secara ringkas mungkin membantu ingatan pelajar.

Lampiran A

(Borang soal selidik)

Bulatkan **Y** bagi 'Ya' dan **T** bagi 'Tidak'.

1. Adakah anda berminat dalam mata pelajaran sejarah? (Y / T)

2. Adakah anda merasakan sejarah adalah mata pelajaran yang susah?(Y / T)

3. Adakah cara guru yang hanya memberi penerangan membuatkan anda (Y / T)
   berasa bosan?

4. Adakah fakta-fakta dan peristiwa sejarah susah untuk diingati? (Y / T)

5. Adakah anda dapat memahami urutan peristiwa sejarah secara (Y / T)
   keseluruhan dalam 1 bab?

6. Adakah anda benar-benar faham setelah sesuatu topik telah dipelajari?(Y / T)

7. Adakah anda selalu mendapat keputusan yang cemerlang dalam ujian (Y / T)
   dan peperiksaan

Lampiran B

Campur Tangan British di Perak

Perebutan takhta di Perak
• Perebutan takhta berlaku di Perak antara tahun _____ • Mengikut sistem perwarisan takhta di Perak, seseorang perlu menjadi Raja Di Hilir,_____, _____, dan Raja Muda sebelum dilantik menjadi sultan.

Rentetan peristiwa perebutan kuasa di Perak
• Pada tahun 1857, _____ dilantk menjadi sultan, selepas kemangkatan Sultan Muhammad Syah
• Raja Ismail dilantik sebagai _____ oleh Raja Muda Jaafar
• Putera sulung Sultan Muhammad Syah , iaitu _____ diketepikan
• Raja Jaafar mangkat pada tahun 1865, _____ dilantik sebagai sultan untuk menggantikannya
• _____ dilantik sebagai Raja Muda dan Raja Ismail kekal sebagai Raja Bendahara dan Raja Yusof diketepikan sekali lagi
• Tahun 1871, Raja Ali mangkat. _____ tidak menghadiri upacara pengebumian
• _____ dilantik sebagai sultan
• _____ tidak berpuas hati dan telah meminta bantuan British serta berjanji akan menerima seorang penasihat British jika British mengiktirafnya.
• Baginda mengutus surat kepada _____ dan Sir Anrew Clarke

(A)

Lampiran C

Faktor-faktor campur tangan British di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.

Kekayaan negeri-negeri Melayu

British bimbang Tanah Melayu dikuasai oleh kuasa Barat yang lain terutamanya Jerman

Keperluan bahan mentah dan pasaran

Pembukaan Terusan Suez 1869

Perkaitan dengan Revolusi Perindustrian Eropah pada abad ke – 19.

Kaitan antara pembukaan Terusan Suez dengan campur tangan British di negeri- negeri Melayu.

Keadaan huru-hara di Tanah Melayu

Apakah yang telah berlaku di Negeri-negeri Melayu yang memberi peluang kepada British campur tangan.

Pada tahun 1874, kerajaan baru di bawah Parti Konservatif ditubuhkan di England telah menyokong dasar campur tangan.

Lampiran D

Faktor-faktor Penubuhan Persekutuan (NNMB)

Residen terlalu berkuasa
Pentadbiran tidak seragam
Perbelanjaan di Pahang meningkat
Perkongsian perkhidmatan pakar
Memajukan jalan kereta api dan jalan raya

TOPIK 2 KEKAYAAN HASIL BUMI MENDORONG CAMPUR TANGAN B

GALERI INFO

Dasar Campur Tangan British di Negeri-Negeri Melayu

- Sebab-sebab British campur tangan
  - (i) Kekayaan Tanah Melayu
    - bijih timah di Perak, Negeri Sembilan dan Selangor
  - (ii) Saingan Kuasa Eropah
    - Jerman, Perancis, Belanda
  - (iii) Revolusi Perindustrian
    - perlukan bahan mentah
    - pasaran
  - (iv) Terusan Suez
    - pendekkan laluan timur-barat
    - penggunaan kapal wap jimatkan kos
  - (v) Perubahan Dasar British
    - Parti Konservatif amalkan dasar campur tangan
  - (vi) Desakan pedagang
- Keadaan di negeri-negeri Melayu
  - Perebutan takhta dan Perang Larut di Perak
  - Perebutan daerah Sungai Ujong oleh pembesar Negeri Sembilan
  - Perang Klang dan ancaman lanun di Selangor
  - Pembunuhan Go Hui (rakyat British) di Pahang

Keadaan di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang Memberi Peluang Campur Tangan British

- Ketidakstabilan di Perak
  - Perang Larut
  - Berlaku perebutan takhta
  - Raja Abdullah meminta bantuan Andrew Clarke
  - Perjanjian Pangkor ditandatangani
  - J.W.W. Birch dilantik sebagai Residen
  - Menerima nasihat Residen dalam semua hal pentadbiran kecuali agama Islam dan adat istiadat Melayu
- Perang Klang di Selangor
  - Perebutan Klang antara Raja Abdullah dan Raja Mahadi
  - Puak Hai San dan British menyokong Tengku Kudin. Puak Ghee Hin menyokong Raja Mahadi
  - Lanun menyerang kapal dagang British dan rumah api
  - Memujuk Sultan Abdul Samad menerima Residen
  - J.G. Davidson dilantik pada tahun 1874
- Perbalahan di Sungai Ujong, Negeri Sembilan
  - Perebutan Sungai Ujong yang kaya dengan bijih timah dan Sungai Linggi untuk mendapat kuasa memungut cukai
  - Dato' Kelana Syed Abdul Rahman diiktiraf British sebagai pembesar
  - P.J. Murray dilantik sebagai Residen British
  - British berjaya menguasai Rembau, Jelebu dan Seri Menanti dengan menempatkan pegawai Majistret dan Pemungut Hasil
  - Yamtuan Antah ditabal sebagai Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan
  - Martin Lister Residen British yang pertama
- British bimbang pertapakan kuasa Eropah lain di Pahang
  - British campur tangan di Pahang kerana bimbang kuasa Eropah lain bertapak
  - 1887, Hugh Clifford dilantik sebagai wakil British dengan kuasa terhad
  - Peristiwa pembunuhan Go Hui (rakyat British) di Pekan
  - J.P. Rodger dilantik sebagai Residen British di Pahang

Residen Menggugat K

- Residen terlalu berkua
- Memberi nasihat kepa
- Mengurus pentadbiran
- Memungut cukai
- Mencampuri adat
- Merombak pentadbiran
- Krisis kewangan Paha

Pengukuhan Kuasa Br Negeri-Negeri

- Sebab-sebab Penubuh
  - Tugas Residen tidak
  - Residen terlalu berk
  - Pentadbiran tidak se
  - Perbelanjaan di Pah
  - Perkongsian perkhid
  - Faktor keselamatan
  - Memajukan jalan ke
- Pentadbiran Persekutu
  - Pentadbiran di Kuala
  - Diketuai oleh Gaber
  - Residen Jeneral per

Pembentukan Persekutua

- Kuasa sultan semakin kurang
- Residen Jeneral berkuasa pe
- Ketua Jabatan di Kuala Lump
- Melalui Durbar kedua, Raja-ra dikembalikan
- British menggantikan Durbar
- Residen Jeneral digantikan de

UJIAN PRA (BAB 1)

1. Apakah punca berlakunya masalah pewarisan takhta di X pada tahun 1770-an?
   A Raja Kecil mendakwa takhta kerajaan Kedah adalah miliknya.
   B Raja Haji menuntut jawatan Raja Muda untuk dirinya sebagai balasan di atas bantuan orang Bugis kepada sultan.
   C Perlantikan Tunku Abdullah sebagai pewaris takhta Kedah oleh Sultan Muhammad Jiwa.
   D Desakan kerabat Diraja terhadap Sultan Muhammad Jiwa kerana ketidakupayaanya memerintah dengan baik.

• Raja Haji

3. Apakah hubungan tokoh di atas dengan pergolakan yang berlaku di Kedah pada tahun 1770-an?
   A Membantu Raja Kecil menuntut takhta Kedah.
   B Mempertahankan perlantikan Tunku Abdullah sebagai pewaris takhta Kedah.
   C Membantu Sultan Muhammad Jiwa mengadakan rundingan dengan SHTI.
   D Mengetuai angkatan Bugis menyerang Kedah pada tahun 1771.

3. Pada tahun 1772, SHTI telah menghantar wakilnya untuk mengadakan rundingan dengan Sultan Kedah tetapi menemui kegagalan. Mengapakah rundingan tersebut gagal?

   A SHTI tidak berminat membantu Kedah menentang orang Bugis.
   B SHTI diugut oleh kerajaan Siam.
   C SHTI tidak dapat memberi jaminan keselamatan ke atas Kedah.
   D SHTI tidak mempunyai keupayaan ketenteraan untuk membantu Kedah.

• Belanda mengenakan cukai yang tinggi dan memberi layanan buruk kepada pedagang British di Betawi selepas Perang Napoleon.

4. Bagaimanakah British berusaha mengatasi masalah di atas?
   A Memajukan Pulau Pinang.
   B Membuka pelabuhan Singapura.
   C Memutuskan hubungan dengan Belanda.
   D Menguasai Selat Melaka.

• Melaka • Singapura • Pulau Pinang

5. Mengapakah pihak British berminat untuk memiliki negeri-negeri di atas?
   A Kawasan pengeluar hasil yang utama.
   B Kawasan pasaran yang utama.
   C Kedudukannya yang strategik.
   D Bilangan buruh yang ramai.

6. Apakah keistimewaan Singapura yang menarik minat Raffles untuk menduduki pulau itu pada tahun 1819?
   I Singapura sesuai untuk pangkalan tentera
   II Singapura strategik untuk mengawal Selat Melaka
   III Singapura mampu menyekat monopoli perdagangan Belanda
   IV Singapura boleh mengawal kegiatan kongsi gelap
   A I dan II C III dan IV
   B II dan III D I dan IV

• Raffles berazam untuk mendapatkan Singapura.

Bagaimanapun beliau menghadapi masalah.

7. Apakah masalah Raffles yang dimaksudkan di atas?
   A Raffles kekurangan modal.
   B Raffles kekurangan tentera.
   C Singapura menghadapi ancaman lanun.
   D Singapura berada di bawah pengaruh Belanda.

> *"Raffles faham bahawa Sultan Abdul Rahman Yang sudah naik takhta Johor dan Riau itu Bukanlah sultan yang Berhak. Inilah kedudukan Baginda yang hendak di Ambil peluang oleh Raffles"*
> **Abdullah Zakaria bin Ghazali.**

8. Bagaimanakah Raffles menggunakan peluang di atas?
   A Memajukan pelabuhan Singapura.
   B Menabalkan Tengku Hussein sebagai sultan Johor.
   C Membuat perjanjian dengan Temenggung Abdul Rahman.
   D Mengiktiraf Sultan Abdul Rahman sebagai pemerintah Johor.

9. Pembukaan Singapura oleh Stamford Raffles pada tahun 1819 telah di bantah oleh Belanda. Mengapa?
   A Menjejaskan keselamatan.
   B Menggugat perdagangan Betawi.
   C Menjatuhkan harga rempah.
   D Melanggar syarat Surat-surat Kew.



10. Mengapakah Raffles memindahkan pusat pentadbiran Johor dari P ke Q?
    A Lebih strategik.
    B Tumpuan pedagang
    C Tanah subur.
    D Memajukan Singapura.

> - Perjanjian 7 jun 1823
> - Perjanjian 2 Ogos 1824

11. Apakah matlamat British menandatangani kedua-dua perjanjian di atas dengan pemerintah Johor?
    A Membuka penempatan di Singapura.
    B Mengiktiraf pemerintah Johor.
    C Menguasai Singapura.
    D Memajukan Johor.

> - William Farquhar
> - John Crawfurd

12. Kedua-dua tokoh di atas mempunyai ciri persamaan, iaitu..
    A Residen Singapura.
    B Orang yang membuka Singapura.
    C Gabenor Singapura.
    D Residen Jeneral Singapura.

> Kerajaan Johor
> - Sultan Hussein bersemayam di Singapura.
> - Sultan Abdul Rahman bersemayam di Lingga.

13. Apakah peristiwa yang menyebabkan kerajaan Johor mempunyai dua orang sultan seperti di atas?
    A Perjanjian Raffles dengan Sultan Hussein.
    B Perjanjian Raffles dengan Sultan Abdull Rahman.
    C Perjanjian Raffles dengan Temenggung Abdul Rahman.
    D Perjanjian Raffles dengan Belanda.

14. Antara berikut yang manakah **bukan** merupakan sebahagian daripada syarat-syarat Perjanjian Inggeris-Belanda 1824?
    A Belanda mengakui Singapura sebagai hak Inggeris.

B Inggeris menyerahkan semua lojinya di India kepada Belanda.
C Belanda menyerahkan Melaka dan jajahan takluknya kepada Inggeris.
D Belanda memonopoli perdagangan rempah di Kepulauan Maluku.

15. Masalah-masalah yang timbul dalam pentadbiran Negeri-negeri Selat telah membawa kepada perpindahan pentadbirannya dari India ke Pejabat Tanah Jajahan di London. Apakah sebab-sebab yang membawa kepada perpindahan tersebut?
I Kerajaan India tidak mengambil tindakan tegas untuk mengatasi masalah lanun
II Pedagang membantah mata wang Rupi yang di jadikan mata wang Negeri-negeri Selat
III Kerajaan India ingin menghapuskan taraf Singapura sebagai pelabuhan bebas
IV Negeri-negeri Selat tidak mempunyai perwakilannya di India
A I,II dan III
B I,II dan IV
C I,III dan IV
D II,III dan IV

- Pada kurun ke-19, Singapura telah muncul sebagai pelabuhan yang utama di Asia Tenggara.

16. Apakah faktor-faktor yang membawa kepada kemunculan Singapura sebagai pelabuhan yang utama di Asia Tenggara?
I Kedudukan Singapura yang strategik
II Pentadbiran yang cekap
III Taraf Singapura sebagai pelabuhan bebas
IV Tindakan ketenteraan Raffles telah membanteras kegiatan lanun di Kepulauan Melayu
A I,II dan III
B I,II dan IV
C I, III dan IV
D II,III dan IV

17. Antara berikut, yang manakah **bukan** merupakan sebab yang membawa kepada kemerosotan Pulau Pinang sebagai pusat perdagangan pada kurun ke-19?
A Kedudukannya yang terlalu ke utara menyukarkannya mengawal kegiatan perdagangan di Selat Melaka dan Kepulauan Melayu.
B Pembukaan dan perkembangan Singapura sebagai pusat perdagangan.
C Kemasukan orang-orang India dan Cina yang pesat menimbulkan pelbagai masalah sosial.
D Penghapusan tarafnya sebagai pelabuhan bebas.

18. Bagaimanakah berakhirnya Perang Napoleon (1793-1814) memberi kesan kepada kegiatan perdagangan British di Timur?
A Kewangan SHTI terjejas kerana membiayai penglibatan England dalam Perang tersebut.
B Timbul persaingan daripada pihak Belanda.
C Kawasan yang kaya dengan hasil bumi di Timur musnah akibat perang tersebut.
D Belanda menuntut British memulangkan semula Singapura.

19. Mulai tahun 1833, SHTI tidak lagi memberi perhatian ke atas masalah-masalah yang dihadapi di Negeri-negeri Selat. Mengapa?
A Kerajaan British di London mengambil alih pentadbiran Negeri-negeri

Selat.

B SHTI mahu menumpukan perhatiannya kepada pelabuhan-pelabuhan di Sumatera.

C SHTI kehilangan monopoli perdagangannya dengan Cina.

D SHTI menghadapi masalah kekurangan pegawai.

X
- Pentadbiran yang lemah - Desakan saudagar-saudagar Selat - Ancaman musuh

20. Rajah di atas menunjukkan antara faktor-faktor yang mendorong berlakunya X pada tahun 1867. X ialah

A Perpindahan pusat pentadbiran Negeri-negeri Selat dari Pulau Pinang ke Singapura.

B Pembubaran Negeri-negeri Selat oleh kerajaan British.

C Perpindahan pentadbiran Negeri-negeri Selat ke Pejabat Tanah Jajahan di London.

D Pemecatan Gabenor Negeri-negeri Selat oleh kerajaan British.

Melaka, Pualau Pinang dan Singapura telah diletakkan di bawah satu sistem pentadbiran yang berpusat di Pulau Pinang pada tahun 1826.

21. Apakah tujuan British memperkenalkan bentuk pentadbiran di atas?

A Memastikan masyarakat tempatan memperolehi pelbagai kemudahan sosial dan ekonomi.

B Mengelakkan ketiga-tiga negeri tersebut jatuh ke tangan Siam.

C Memajukan aktiviti perdagangan di Pulau Pinang.

D Memelihara kepentingan perdagangan pedagang-pedagang British di Kepulauan Melayu.

• Q • Mengembangkan perdagangan dengan China. • Tempat pengumpulan bahan mentah dari Kepulauan Melayu.

22. Maklumat diatas merujuk faktor-faktor Inggeris memerlukan sebuah pelabuhan dikawasan kepulauan Melayu. Pada pendapat anda, apakah faktor yang di wakili oleh Q?

A Memelihara kepentingan para pedagang Inggeris daripada ancaman lanun.

B Mengembangkan agama Kristian di Timur.

C Memelihara keamanan Kepulauan Melayu.

D Memperkukuhkan Kekuatan empayar British dalam menyaingi kuasa Perancis di India.

23. Dalam hubungan Kedah dengan Inggeris, dapat dikatakan bahawa Kedah telah menjadi mangsa dan menaggung banyak kerugian. Mengapa?

A Kedah dipaksa menerima seorang penasihat Inggeris.

B Kedah kehilangan Pulau Pinang dan Seberang Perai.

C Syarikat Hindia Timur Inggeris menguasai perdagangan di India dari Kedah.

D Siam memutuskan Hubungannya dengan Kedah.

24. Inggeris amat memerlukan Seberang Perai atas beberapa faktor. Apakah faktor utama yang mendorong Inggeris untuk menguasai kawasan tersebut?

A Menempatkan penduduk Pulau Pinang

B Mempertahankan PulauPinang daripada serangan luar dan

menjadikannya sumber bekalan makanan

C Memperkukuhkan perdagangan Inggeris dengan China

D Menjadikannya sebagai pangkalan tentera laut

25. Pada tahun 1880, Sultan Kedah akhirnya bersetuju untuk menyerahkan Seberang Perai kepada Inggeris. Apakah sebab yang mendorong baginda berbuat demikian?

A Kedah memerlukan bantuan ketenteraan daripada Inggeris untuk menyekat kemaraan Siam

B Baginda ingin memajukan Seberang Perai untuk membangunkan ekonomi Kedah

C Baginda telah diugut oleh Inggeris supaya menyerahkan Seberang Perai

D Baginda memerlukan perlindungan untuk menjaga keselamatan Kedah dan memperkukuhkan kedudukannya

Tunku Abdullah telah dilantik sebagai pewaris takhta Kedah oleh Sultan Muhammad Jiwa.

26. Berdasarkan pernyataan di atas, apakah reaksi kerabat diraja Kedah berhubung perlantikan tersebut?

A Kerabat diraja kedah menyambut baik perlantikan Tunku Abdullah sebagai bakal Sultan

B Sultan Muhammad Jiwa telah digulingkan oleh kerabat diraja Kedah

C Kerabat diraja berkomplot dengan Inggeris untuk menjatuhkan Sultan Muhammad Jiwa

D Kerabat diraja berpakat dengan orang Bugis di Selangor untuk menentang Sultan Muhammad Jiwa

Pada tahun 1771, Raja Haji telah memimpin angkatan Bugis dari Selangor menyerang Kedah.

27. Apakah tindakan yang diambil oleh Sultan Kedah bagi menghadapi serangan Bugis?

A Bekerjasama dengan Francis light menentang serangan Bugis

B Meminta bantuan ketenteraan daripada Inggeris

C Menyerahkan Kedah kepada Bugis sebagai tanda perdamaian

D Menyerang petempatan Bugis di Sulawesi

Pada tahun 1791, Sultan Abdullah telah menguatkan pertahanannya diSeberang Perai.

28. Apakah tujuan baginda berbuat demikian?

A Menjadikan Seberang Perai sebagai kubu untuk menentang Belanda

B Mematuhi arahan Raja Siam supaya menyerang Pulau Pinang

C Ingin membanteras kegiatan perlanunan di Selat Melaka

D Ingin merampas kembali Pulau Pinang yang telah diduduki oleh Inggeris

29. Apakah syarat utama yang dikenakan oleh Sultan Abdullah Kepada Inggeris bagi membenarkannya menduduki Pulau Pinang pada tahun 1786?

A Inggeris hendaklah memberi bantuan ketenteraan kepada Kedah

B Sultan Abdullah tidak bertanggungjawab ke atas hutang rakyatnya dengan Inggeris

C Inggeris hendaklah membayar ganti rugi sebanyak $25 000 setahun

D Inggeris hendaklah mengembalikan semula Pulau Pinang kepada Kedah apabila tempoh pajakan tamat

30. Pada kurun ke-17, Syarikat Hindia Timur

Inggeris (SHTI)
mempunyai monopoli
perdagangan dengan
sebuah negara, di Asia
terutamanya dalarn
perdagangan teh.
Negara yang
dimaksudkan ialah
A China
B Jepun
C India
D Burma

UJIAN POS (BAB 2)

1 Mengapakah pedagang Negeri-negeri Selat (NNS) mendesak kerajaan British mengambil berat tentang, negeri-negeri Melayu?
A Taraf hidup negeri-negeri Melayu rendah.
B Kekacauan di negeri-negeri melayu mengancarn pelaburan mereka.
C Pedagang NNS mahu mcluaskan pasaran.
D Sultan negeri negeri Melayu meminta, bantuan ketenteraan.

- Persaingan kuasa Barat
- Pembukaan Terusan Suez
- Revolusi Perindustrian

2, Apakah kesan penting peristiwa di atas kepada Tanah Melayu?
A Kemajuan pelabuhan
B Kernasukan buruh Cina
C Perluasan pengaruh British '
D Perkembangan agama Kristian.

• Sungai Lembing
• Sungai Pahang

3. Apakah persamaan persamaan antara kedua-dua kawasan di atas?
A Kawasan pelabuhan
B Kawasan Pengeluaran emas
C Kawasan pertanian Utama.
D Kawasan Pengeluaran timah.



Keperluan di atas adalah akibat daripada berlakunya X. X ialah
A Revolusi Pertanian.
B Pernbukaan Terusan Suez.
C Penubuhan kerajaan Baft
D Revolusi Perindustrian.

- Pada tahun 1873, Parti Konservatif telah mengambil alih kerajaan Britiandariapada Parti Liberal

5. Apakah kesan perubahan yang di di maksudkan di atas terhadap pentadbiran Tanah Melayu?
A Pentadbiran di Tanah Melayu dicampur tangan oleh British.
B Pelaburan British di Tanah Melayu Bertarnbah.
C Kemasukan ramai orang asing ke tanah Melayu.
D Ekonorni Tanah Melayu dimajukan.



6. Apakah bentuk hubungan yang terjalin di antara negeri-negeri dalarn rajah di atas pada kurun ke- 19?
I Hubungan perdagangan.
1I Pelabum modal
III Pertukaran duta
IV Pelantikan Residen
A Idan II C III dan IV
B II dan III D I dan lV

7. Jika kamu adalah seorang usahawan yang ingin melabur dalam sektor perlombongan bijih timah di Selangor, lokasi manakah yang kamu akan usahakan?
I Lukut
II Kuala Langat
III Ampang
IV Kuala Lumpur
A I,I1 dan III
B I,II dan IV
C I,III dan IV
D II III dan IV

- Pada kurun ke-19, pedagang-pedagang dari barat dapat sampai ke Tanah Melayu lebih cepat dari sebelumnya

8. Pernyataan di atas dapat dikaitkan dengan
I penciptaan kompas
11 Penciptaan kapal wap
III pembukaan Terusan Suez
IV pembukaan jalan raya
A I dan II C III dan lV
B II dan III D I dan IV

- Perak
- Selangor
- Negeri Sembilan
- Pahang

9. Revolusi Perindustrian mendorong British untuk menguasai negeri-negeri di atas. Mengapa?
A Kaya dengan rempah ratus.
B Kaya dengan Pengeluaran bijih timah.
C Maju dalam perdagangan.
D Berada dalam keadaan huru-hara.



10. Rajah di atas menunjukkan faktor faktor campur tangan British di Tanah Melayu. X ialah
A membuka pengkalan.
B memajukan Perdagangan di Tanah Melayu.
C menyaingi kuasa Eropah lain.
D menyelasaikan masalah kongsi Gelap.

- Pada Ogos 1873, seramai 243 pedagang Negeri-negeri Selat menulis surat kepada Setiausaha Tanah jajahan British, Lord Kimberley supaya campur tangan dalam pentadbiran di negeri-negeri Melayu.

11. Mengapakah peristiwa di atas berlaku?
A Menghalang kemasukan buruh asing
B Membeli tanah dengan harga yang murah.
C Pertikaian monopoli hasil p erdagangan timah.
D Mengatasi huruhara di negeri-negeri Melayu.

- British telah campur tangan di negeri-negeri Melayu pada pertengahan kurun ke-19

12. Apakah alasan British untuk mengambil tindakan di atas?
A Memajukan Perlombongan timah.
B Memajukan perdagangan.
C Mewujudkan keamanan.
D Meningkatkan taraf hidup rakyat.

Apabila Raja Ismail dilantik sebagai Sultan Perak, Raja Abdullah tidak berpuas hati lalu mengutus surat kepada Harry Ord dan Andrew Clarke.

13. Berdasarkan maklumat di atas, apakah kandungan surat tersebut?
A Meminta pihak British menyerang Raja Ismail.
B Menyerahkan Pulau Pangkor kepada British
C Memohon British mengiktirafnya sebagai sultan.
D Meminta bantuan tentera daripada British.

Pada Januari 1874, Andrew Clarke telah mengadakan rundingan dengan Raja Abdullah, pembesar Melayu dan kongsi gelap.

14. Apakah kesan tidak langsung rundingan yang dimaksudkan?
A British mengukuhkan kuasa di Perak.
B Perjanjian Pangkor ditandatangani.
C Raja Abdullah menjadi sultan Perak.
D Pergaduhan kongsi gelap berjaya ditamatkan.

- Raja Yusof
- Raja Abdullah
- Raja Ismail

15. Berdasarkan senarai di atas, mengapakah pada tahun 187 1, Perak mempunyai calon sultan yang layak menaild takhta?
A Terlalu ramai putera sultan.
B Tiada pewaris yang berwibawa.
C Sistem, perwarisan takhta, tidak dipatuhi.
D Sokongan pembesar yang berlainan.

- **Perjanjian Pangkor ditandatangani pada 20 januari 1874.**

16. Mengapakah Sultan Ismail tidak hadir semasa menandatangani

perjanjian di atas?
A Tidak di jemput.
B Menentang syarat perjanjian
C Lewat menerima surat jemputan.
D Enggan bekerjasama dengan British.

Pergaduhan kumpulan kongsi gelap di Larut telah menyebabkan Perang Larut berlaku

17. Apakah usaha yang, dilakukan oleh Ngah Ibrahim bagi menamatkan kekacauan di atas?
A Menutup lornbong-lornbong, firnah.
B Menghantar pulang buruh asing.
C Mendapatkan bantuan Kapten Speedy.
D Meminta bantuan tentera, British.

Perang Klang, di Selangor
Tokoh X
- Mendapatkan bantuan daripada kongsi gelap.
- Memberi bantuan kepada Raja Ismail.
- Meminta bantuan British.
- Dilantik sebagai wizurai.

18. Tokoh X ialah
A Raja Mahadi
B Raja Abdullah
C Ngah Ibrahim
D Tengku Kudin

Berlaku pertempuran antara Dato' Bandar Kulop Tunggal dengan Dato' Kelana Syed Abdul Rahman.

19. Apakah punca berlakunya perternpuran di atas?
A Perjanjian Dato' Kelana dengan British.
B Perebutan daerah Terachi.
C Pembabagian kutipan cukai.
D Perebutan kawasan perlombongan bijih timah.

Berbagai-bagai alasan telah diberikan oleh pihak British untuk campur tangan di negeri negeri Melayu pada kurun ke- 19.

20. Berdasarkan pemyataan di atas, apakah sebab semerta campur tangan British di Pahang?
A Penernuan lombong emas.
B Perebutan kuasa di kalangan pembesar Melayu
C Pergaduhan antara, kongsi gelap.
D Pernbunuhan seorang warga British.

Tindakan Residen
- Mencampuri adat
- Mengambil alih pungutan cukai

21. Apakah kesan daripada, peristiwa di atas?
A Adat Melayu mulai terhapus.
B Kedudukan Residen tergugat.
C Tercabarnya kuasa pembesar.
D Hasil negeri semakin berkurangan.

22. Bagaimanakah British menggugat kuasa sultan dan pernbesar di negeri-negeri Melayu?
A Melantik Residen.
B Mewujudkan sultan dan pernbesar boneka.
C Memecat sultan dan pembesar tempatan.
D Meminda sempadan Negeri-Negeri Melayu.

23. Dalarn memberi nasihat, Residen berhak menasihati Sultan dalam semua perkara pentadbiran kecuali dalam soal.
I agama Islam
II bahasa Melayu
III kedudukan sultan
IV adat istiadat Melayu
A I dan II C III dan IV
B 11 dan III D I dan IV

- J.P Rodger
- Martin Lister
- J.G Davidson

24. Apakah tugas sebenar mereka?
A Mencarnpuri agama. Islam.
B Mengambil alih pungutan cukai.
C Menghapuskan sistern hamba abdi.
D Menasihati sultan dalam segala hal.

25. Di bawah system pentadbiran Persekutuan 1896, Residen setiap negeri akan tertakluk kepada arahan dan ...
A Sultan
B Gabenor Jeneral
C Residen Jeneral
D Penasihat British

Soalan 26 dan 27 berdasarkan rajah yang berikut.

Sistem X

- Perak
- Selangor
- Pahang
- Negeri Sembilan

Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu

26. Sistem X ialah
    A Ahli.
    B Durbar.
    C Residen.
    D Persekutuan.

27. Apakah kelemahan sistem X?
    I Pentadbiran tidak seragam
    II Sultam Melayu semakin berkuasa
    III Residen Jeneral terlalu berkuasa
    IV Tiada panduan yang jelas, dalam pentadbiran,
    A I dan II C III dan IV
    B II dan III D I dan IV

- Perak
- Selangor
- Pahang
- Negeri Sembilan

28. Apakah faktor negeri negeri di atas disafukan di bawah satu pentadbiran?
    I Memajukan system perhubungan
    II Mengukuhkan sistem pertahanan
    III Mengelak campur tangan kuasa Barat lain
    IV Menjimatkan bayaran perkhidmatan pakar
    A I,II dan III
    B 1,II dan IV
    C I, III dan IV
    D II, III dan IV

- "Bagi kali pertama dalam sejarah Negeri-negeri Melayu, keempat-empat Raja duduk bersama dengan Residen Jeneral, bertemu dan membincang-kan hal-hal kepentingan ber
-

29. Pernyataan di atas merujuk kepada...
    A Durbar.
    B Majlis Mesyuarat Negeri.
    C Majlis Mesyuarat Kerajaan.
    D Majlis Mesyuarat Persekutuan.

30. Sultan Perak Sultan ldris begitu menentang kuasa Residen Jeneral dan mahu kuasa Raja-raja Melayu dikembalikan.
    Apakah kesan daripada desakan baginda itu?
    I Menggantikan Durbar dengan Majlis Mesyuarat Persekutuan
    Il Menggantikan jawatan Residen Jeneral kepada Ketua Setiausaha
    III Menyerahkan kembali kuasa pentadbiran kepada Majlis Mesyuarat Negeri
    IV Menyerahkan semula, kuasa, mentadbir negeri kepada Raja Raja Melayu.
    A I ,II dan III
    B I, II dan IV
    C I, III dan IV
    D II,III dan IV